

PINDAAN KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UNIVERSAL HSBC AMANAH

01 September 2021

Para Pelanggan yang dihargai,

Selari dengan BNM Malaysia's polisi mengenai Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan, kami telah menyemak semula fasal 30 Terma-terma dan Syarat-syarat Universal untuk menjelaskan mod komunikasi bagi pendaftaran produk dan servis melalui aplikasi digital, yang akan dilancarkan secara kaedah digital. Pindaan ini adalah seperti berikut dan akan berkuatkuasa pada [08 September 2021]:

Terma-terma dan Syarat-syarat Universal kini (Edisi Jun 2021)	Terma-terma dan Syarat-syarat Universal yang disemak semula (Edisi September 2021)
Telekomunikasi	Telekomunikasi
	Fasal yang dipinda:
30. (i) Atas permintaan Pelanggan, Bank adalah diberikuasa untuk melepaskan maklumat berkenaan dengan akaun Pelanggan, kadar-kadar pertukaran atau kadar-kadar keuntungan (tertakluk kepada pindaan) pada budibicaranya melalui telefon, atau telex. Maklumat atau kadar-kadar yang diberikan melalui telefon tidak harus terikat ke atas Bank kecuali ianya selanjutnya disahkan oleh Bank secara bertulis	30. (i) Atas permintaan Pelanggan, Bank adalah diberikuasa untuk melepaskan maklumat berkenaan dengan akaun Pelanggan, kadar-kadar pertukaran atau kadar-kadar keuntungan (tertakluk kepada pindaan) pada budibicaranya melalui telefon, atau telex. Maklumat atau kadar-kadar yang diberikan melalui telefon <u>adalah indikatif</u> dan tidak harus terikat ke atas Bank kecuali ianya selanjutnya disahkan oleh Bank secara bertulis
	Fasal baharu yang ditambah:
	30. (iii) Pelanggan memperakui bahawa semua aplikasi digital akan menerima notifikasi berkenaan dengan transaksi, bahan promosi dan/atau lain-lain komunikasi melalui mana-mana saluran elektronik (misalnya SMS, E-mel, paparan notifikasi dan sebagainya) dimana Bank boleh dari masa ke semasa menghantar notis bertulis melalui persuratan, iklan akhbar, atau melalui lain-lain kaedah yang dianggap perlu dan sesuai oleh Bank.
	Fasal yang sedia ada bernombor 30(iii), (iv), (v) dan (vii) akan dikemaskini kepada 30(iv), (v), (vi) dan (vii).

Terma-terma dan Syarat-syarat Universal (September Edisi) yang dipinda boleh diakses dari [sini](#).

HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X).